

# PM ingatkan rakyat jangan korban nilai murni

JOHOR BAHRU, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata nilai-nilai murni yang dimiliki oleh rakyat pelbagai kaum negara ini tidak harus dikorbankan walaupun negara perlu maju dalam semua bidang menjelang tahun 2020.

Menurut Perdana Menteri, rakyat tidak harus lupa mereka adalah satu bangsa yang mempunyai budaya tersendiri, mulia serta tidak mudah terceburlah dalam kegiatan yang tidak sihat.

"Pada tahun 2020, kita harap akan menjadi negara maju tetapi kemajuan kita bukanlah boleh

ditakrif dengan negara maju yang lain. Kita tidak hendak maju tetapi hilang segala nilai-nilai mulia," katanya ketika merasmikan Ekspo Pembangunan Sosio Ekonomi Johor, di sini malam ini.

Dr Mahathir yakin rakyat negara ini mampu untuk bekerja dan menjadikan Malaysia sebuah negara maju pada tahun 2020 kerana rakyat pelbagai kaum sanggup hidup aman damai, bertolak ansur, bekerjasama dan tidak mempunyai perasaan perkauman tebal.

"Kalau berpegang kepada usaha bekerjasama ini, saya yakin kita akan

dapat capai kemajuan yang kita idamkan pada tahun 2020. Kita tidak harus bekerja hanya untuk diri tetapi untuk anak cucu supaya negara maju dan dihormati dunia supaya tidak ada yang boleh hina, tekan dan ketepikan kita," katanya.

Perdana Menteri berkata, kemajuan yang dicapai oleh negara asing bukanlah perkara yang ajaib yang tidak boleh ditiru atau dicapai oleh Malaysia, malah lebih daripada itu.

"Jarak masa (untuk ke tahun 2020) cuma 25 tahun sahaja untuk dikejar dan kita dapati orang-

orang lain sudah maju. Apakah mungkin kita boleh mencapai kejayaan ini," katanya.

Menurutnya, negara pada masa ini mampu untuk mewujudkan industri canggih, termasuk pelaburan daripada rakyat Malaysia, untuk dieksport sehingga eksport negara meningkat begitu pesat dan menjadikan Malaysia negara pengeksport barangan pembuatan ke-19 terbesar di dunia.

Mengenai pembangunan di Johor, Perdana Menteri berkata, Johor adalah sebuah negeri yang lebih berjaya ber-

banding negeri-negeri lain walaupun ada pihak yang mungkin mengatakan ia disebabkan negeri itu berhampiran Singapura.

"Tetapi kalau dekat sekalipun, kalau tidak ada kerajaan yang cekap, tidak ada usaha dan ke-sanggupan rakyat untuk bekerja, walaupun ia dekat dengan sebuah negara yang besar sekalipun, ia tidak akan menguntungkan kita," katanya.

Sementara itu, di PONTIAN: Dr Mahathir mengajak rakyat mengeratkan perpaduan dan mengemblem tenaga mewu-

judkan satu bangsa yang berkualiti dan bermaruah.

Menurutnya, jika rakyat berusaha meningkatkan kualiti, bukan sahaja Malaysia akan terus maju, malah mampu bersaing dengan negara lain di dunia.

"Kita hendak segala-gala yang dibuat di Malaysia mempunyai kualiti, sama ada bercucuk tanam, mengeluarkan barangan pembuatan, menjalankan kerja di pejabat atau memandu kereta," katanya berucap di Perhimpunan Bersama Rakyat di Stadium Mini Pontian, di sini hari ini.